

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

RABU, 1 APRIL 2020 BH

Muka Dua

Penularan COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki, M Hizuddin Ikhsan, Mohd Roji Kawi, Mohamed Farid Noh, Iskandar Ibrahim, Safeek Affendy Razali, Nasaruddin Parzi, Farah Marshita Abdul Patah, Yusri Muzamir, Iliah Hafiz Aziz, Mahani Ishak, Noor Atiqah Sulaiman, Mohd Rafi Mamat, Hamzah Osman, Amir Mamat, Nazri Abu Bakar, Mohd Amin Jalil, Nurul Amanina Suhaini, Roselan Ab Malek, Rosli Ilham, Hazinesy Abdul Rahman, Dziyaul Aman Abdul Rahman dan Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Fasa kedua PKP tempoh kritikal, mustahak

Penentu Malaysia berjaya atau tidak putus rantai penularan wabak

Putrajaya: Tempoh dua minggu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memasuki fasa kedua hari ini, adalah tempoh kritikal dan mustahak bagi menentukan Malaysia berjaya atau tidak memutuskan rantai penularan wabak COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kesan kejayaan itu bagaimanapun amat berkait rapat dengan tingkah laku dan kerjasama orang ramai dalam mematuhi arahan kerajaan sepanjang PKP dikuatkuasakan.

"PKP fasa kedua akan mula dikuat kuasa esok (hari ini) hingga 14 April dan beberapa kawasan juga sudah diisytiharkan sebagai

lokasi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).


"Namun, tempoh dua minggu yang seterusnya ini adalah mustahak di mana akan menentukan sama ada tindakan yang diambil kerajaan setakat ini memberi impak yang diharapkan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Sehubungan itu, Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai agar duduk di rumah serta mengamalkan etika kebersihan diri seperti kerap membasuh tangan dan jarakkan diri antara satu sama lain.

"Sekiranya bergejala, gunakan penutup hidung dan mulut. Makan secara sihat dengan menyediakan menu sihat dan seimbang. Jalani gaya hidup yang aktif dengan melakukan aktiviti fizikal atau senaman ringan.

"Bagi mereka yang merokok, gunakan peluang ini untuk berhenti merokok," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan statistik selepas dua minggu pelaksanaan fasa pertama PKP,



Dr Noor Hisham menunjukkan carta kes positif mengikut negeri setakat 31 Mac ketika sidang media harian COVID-19 di Putrajaya, semalam. Turut sama, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

trend jumlah kes baharu yang dilaporkan setiap hari dan jumlah kes harian, terus meningkat dan kadang kala mendarat.

Sementara trend bagi pesakit yang sembuh dan dibenarkan pulang setiap hari, turut meningkat.

"Selain itu, statistik turut menunjukkan terdapat dua kumpulan usia masyarakat paling tinggi dijangkiti COVID-19 berbanding kumpulan usia yang lain.

"Bagi kumpulan usia yang pertama ialah di antara 26 hingga 30 tahun, dan kumpulan usia kedua pula ialah 56 hingga 60 tahun.

"Faktor kumpulan usia yang muda itu kita rasa mungkin dalam kalangan pelajar atau mereka yang baru kembali dari luar negara atau pun mereka sering keluar walaupun dalam tempoh PKP."

"Bagi kumpulan kedua, kita lihat mereka sebagai ketua keluarga yang selalu keluar untuk membeli barang dan sebagainya dan mungkin dijangkiti ketika itu," katanya.

Terdahulu, dalam hantaran Facebooknya awal pagi semalam, Noor Hisham turut menegaskan rakyat adalah penentu utama dalam menghentikan pandemik COVID-19 di negara ini.

Katanya, setiap rakyat mempunyai peranan dalam memerangi penularan COVID-19 dengan mematuhi PKP agar berada di rumah masing-masing.

Katanya, masyarakat juga memainkan peranan penting dalam meratakan lekuk penularan COVID-19 bagi membolehkan sistem

kesihatan lebih banyak masa dan kapasiti untuk menampung keperluan penjagaan kesihatan mereka.

"Walaupun situasi semasa ini adalah suatu pengalaman yang baharu, sektor kesihatan sudah merancang dan bersedia siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

"Dengan pembabitkan petugas daripada semua peringkat, kami melakukan yang terbaik demi memastikan keselamatan semua pihak. Sememangnya kesihatan anda tetap menjadi keutamaan kami," katanya.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail

Sabri Yaakob, berkata keputusan sama ada PKP dilanjutkan sehingga fasa ketiga atau keempat, bergantung kepada pematuhan rakyat terhadap perintah itu.

Pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di Bangunan Perdana Putra, semalam, kerajaan katanya, memahami kehendak rakyat yang mahu menjalani kehidupan biasa semula berbanding ketika ini.

"Esok (hari ini) PKP fasa kedua akan dilaksanakan dan ramai yang bertanya apakah akan diteruskan menjadi PKP fasa ketiga dan keempat atau sehingga bulan puasa (Ramadan).

"Saya tahu ramai rakyat mahukan kembali kepada kehidupan biasa.

"Yang boleh memastikan tiada PKP fasa ketiga atau keempat adalah bergantung kepada tuan-tuan dan puan-puan, jika kita terus patuh kepada SOP (prosedur operasi standard) dan arahan kerajaan," katanya.

Ramadan dijangka bermula 24 April ini, kira-kira seminggu selepas PKP fasa kedua tamat, iaitu pada 14 April ini.

Kerajaan mengisytiharkan PKP bermula 18 Mac lalu selama dua minggu sehingga semalam, dalam usaha memutuskan rantai penularan COVID-19.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan khasnya baru-baru ini mengumumkan PKP dilanjutkan sehingga 14 April ini.

Ibadat & Fadilat

Daripada Abu Saïd al-Khudri RA katanya, Rasulullah SAW bersabda, "Apabila seorang di antara kamu menguap, maka hendaklah ia meletakkan tangannya ke mulut kerana sesungguhnya syaitan akan masuk ke mulut sekiranya tidak ditutup ketika menguap."
(HR at-Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:09	1:25	4:29	7:29	8:39
Alor Setar	6:09	1:25	4:27	7:29	8:38
P. Pinang	6:09	1:25	4:25	7:29	8:38
Ipoh	6:07	1:23	4:23	7:26	8:35
Kuala Lumpur	6:05	1:20	4:22	7:23	8:33
Shah Alam	6:05	1:20	4:22	7:23	8:33
Johor Bahru	5:57	1:12	4:16	7:14	8:23
Kuantan	6:00	1:15	4:17	7:17	8:27
Seremban	6:04	1:18	4:22	7:21	8:30
Bandar Melaka	6:03	1:17	4:21	7:21	8:30
Kota Bharu	5:58	1:17	4:20	7:22	8:27
K. Terengganu	5:58	1:14	4:14	7:18	8:27
Kota Kinabalu	5:08	12:22	3:23	6:25	7:35
Kuching	5:32	12:46	3:51	6:49	7:58

Masyarakat juga memainkan peranan penting dalam meratakan lekuk penularan COVID-19 bagi membolehkan sistem kesihatan lebih banyak masa dan kapasiti untuk menampung keperluan penjagaan kesihatan mereka.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

RABU, 1 APRIL 2020 BH

Nasional

Penularan COVID-19

6 lagi kematian, 140 kes baharu

Jumlah kumulatif positif jangkitan 2,766 kes

Putrajaya: Sebanyak 140 kes baharu COVID-19 dilapor setakat jam 12 tengah hari semalam, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes yang positif di negara ini 2,766 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata terdapat enam lagi kematian akibat wabak itu direkodkan semalam, dengan jumlah kumulatif kematian terkini sebanyak 43 kes iaitu 1.55 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, sehingga semalam terdapat 58 kes yang sudah pulih sepenuhnya dan dibenarkan

pulang menjadikan kes kumulatif sudah sembuh sebanyak 537 kes atau 19.4 peratus dari keseluruhan jumlah kes, setakat ini.

"Sehingga kini, seramai 94 kes yang positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah berkenaan 60 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian perkembangan terkini COVID-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-38 (kes pesakit ke-2,269) adalah wanita warganegara Malaysia berumur 48 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi yang juga kontak kepada kes ke-2,750.

Wanita itu dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan pada 25 Mac lalu dan disahkan meninggal dunia pada 30 Mac, jam 4.04 petang.

"Bagi kes kematian ke-39 (kes ke-2,626), ia membabitkan lelaki warganegara Malaysia berusia 69 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi.

"Beliau mempunyai sejarah perjalanan ke Arab Saudi dan meninggal dunia pada 27 Mac di rumah beliau, sebelum jenazahnya dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, bagi kes kematian ke-40 (kes ke-2,627), mangsa seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 69 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi.

"Beliau dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor dan disahkan meninggal dunia pada 26 Mac jam 1.03 tengah hari. "Bagi kes kematian ke-41 (kes

pesakit ke-1275) membabitkan lelaki warga Indonesia berumur 40 tahun serta dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 20 Mac, dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mac pada jam 1.38 pagi. Itu adalah kematian pertama direkodkan membabitkan warga asing di negara ini," katanya.

Beliau berkata, kes kematian ke-42 (kes ke-2,628) ialah lelaki warganegara Malaysia berusia 81 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit jantung.

"Beliau dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 27 Mac dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mac jam 7.09 pagi.

"Kes kematian ke-43 (kes pesakit ke-2,629) adalah lelaki tempatan berumur 73 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan jantung.

"Beliau dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

pada 29 Mac dan disahkan meninggal dunia pada 30 Mac pada jam 4.30 petang," katanya.

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham mendedahkan seramai 36 kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah dan sembilan bayi bawah setahun dijangkiti wabak berkenaan.

"Kanak-kanak ini dalam keadaan stabil. Faktor dijangkiti berkemungkinan membabitkan kes indeks contohnya jemaah tabligh yang pulang ke rumah dan telah menjangkiti keluarga masing-masing.

"Mungkin juga faktor keluarga, seperti dalam kes gelombang pertama kanak-kanak dijangkiti ketika melancong," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham menerusi akaun Twitternya memaklumkan kumpulan pertama pesakit COVID-19 di Hospital Tuanku Bainun, Ipoh sembuh dan dibenarkan pulang.



BHQV

Kadar kematian akibat pandemik hanya 1 peratus

Kuala Lumpur: Kadar kematian akibat wabak COVID-19 di negara ini hanya satu peratus daripada jumlah yang disahkan positif berbanding jumlah kematian di seluruh dunia sebanyak empat peratus.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kadar peratusan yang rendah itu antaranya disebabkan kerajaan sudah membuat persediaan awal serta menyediakan ubat terbaik untuk merawat COVID-19.

Dr Adham, berkata kaedah rawatan yang sistematik turut menyumbang kepada angka kematian yang rendah di negara ini.

"KKM juga buat persediaan awal dengan minta farmasi menyediakan ubat yang berkualiti dan mampu merawat COVID-19. "Setakat ini, jumlah kumulatif pesakit yang disahkan positif COVID-19 adalah 2,626 kes, bagaimanapun, angka kematian dicatatkan hanya satu peratus daripada jumlah itu," katanya pada program Selamat Pagi Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata, sehingga kelmarin, kes baharu adalah 156 kes, manakala 64 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Jumlah pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan pula adalah sebanyak 64 kes," katanya.

Ketika ditanya keluhan orang ramai yang memaklumkan sukar




Kaedah rawatan yang sistematik

turut menyumbang angka kematian yang rendah di negara ini. KKM juga buat persediaan awal minta farmasi sedia ubat berkualiti.

Dr Adham Baba, Menteri Kesihatan

mendapat bekalan penutup muka, Dr Adham, berkata usaha itu sedang dipergiatkan.

"Terdapat usaha untuk menambah bekalan penutup muka selain menurunkan harga siling kepada RM1.50 berbanding RM2 diumumkan sebelum ini," katanya.



Mulyiddin menyerahkan surat pelantikan sebagai Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam kepada Dr Jemilah di Putrajaya, semalam. (Foto Bernama)

Dr Jemilah jadi Penasihat Khas PM

Putrajaya: Perdana Menteri, Tan Sri Mulyiddin Yassin bersetuju melantik Tan Sri Dr Jemilah Mahmood sebagai Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam.

"Beliau bertanggungjawab menasihati Perdana Menteri mengenai dasar dan inisiatif berhubung kesihatan," kata Dr Jemilah kepada Perdana Menteri dalam sidang media semalam.

Dr Jemilah mempunyai pengalaman dalam bidang perubahan dan pembangunan manusia langsung dalam peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau sebelum ini Presiden

Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY Malaysia) dan Setiausaha Bahagian Persekutuan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah.

Beliau dipilih pemenang ASEAN Prize 2019 iaitu anugerah bergengsi rantau ASEAN bagi mengiktiraf pencapaian individu atau organisasi dalam memupuk identiti dan semangat serantau ke arah pembangunan Komuniti ASEAN menjelang 2025.

Dr Jemilah adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana dalam bidang Obstetri dan Ginekologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pelantikan itu tepat pada masanya dan yakin Dr Jemilah boleh membawa perubahan besar kepada penjagaan kesihatan di negara ini.

"Tahniah kepada Dr Jemilah atas pelantikan sebagai Penasihat Khas Kesihatan Awam kepada Perdana Menteri.

"Pelantikan Dr Jemilah tepat pada masanya. Saya percaya kita boleh membawa perubahan besar kepada penjagaan kesihatan di Malaysia," katanya menerusi Facebook. **BERNAMA**

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

8

RABU, 1 APRIL 2020

Nasional



Kakitangan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tiba di Menara City One.

Penularan COVID-19

Sebahagian penghuni Menara City One selesai jalani saringan

Kediaman jadi lokasi ketiga diletakkan bawah PKPD

Kuala Lumpur: Penghuni yang menginap di kira-kira 500 unit kondominium di Menara City One, Jalan Munshi Abdullah, di sini, selesai menjalani saringan COVID-19 selepas kawasan kediaman itu diletakkan bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Tinjauan *BH* di kawasan itu, petang semalam, mendapati kerja saringan dilakukan kira-kira 20 petugas daripada Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, bermula jam 2 petang.

Petugas kesihatan yang lengkap dengan pakaian pencegahan dilihat mula memasuki kediaman itu secara berkumpulan untuk mengambil sampel penghuni.

Sebelum itu, beberapa penduduk di kediaman terbabit yang dilihat berada di pekarangan ba-

ngunan dan cuba bergerak keluar diarah pihak berkuasa masuk ke unit masing-masing.

Penghuni yang kebanyakan warga asing itu bukan sahaja dilarang keluar, malah orang luar termasuk pelawat turut tidak dibenarkan melepasi pintu kawalan keselamatan.

Wartawan yang membuat liputan sejak pagi juga tidak dibenarkan melepasi garisan keselamatan yang dipasang polis di pekarangan bangunan.

Sebaliknya, wartawan hanya boleh melihat pergerakan keluar masuk petugas dan penghuni

pada jarak kira-kira 50 meter.

Bagaimanapun, khidmat penghantaran makanan dibenarkan sehingga ke pintu kawalan menyebabkan beberapa penduduk kelihatan turun mendapatkan barangan yang dipesan.

Kerja saringan yang bermula sejak malam kelmarin, dijangka selesai lewat malam tadi sebaik semua penghuni diambil sampel untuk tujuan saringan.

Menara City One menjadi lokasi ketiga PKPD, selepas kawasan Batu 21 hingga Batu 24 Sungai Lui, Hulu Langat dan Simpang Renggam, Kluang, Johor.

Ada kaitan kluster tabligh

Putrajaya: Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes COVID-19 yang dilaporkan di Menara City One, ada kaitan dengan kluster perhimpunan jemaah tabligh di Masjid Sri Petaling.

Katanya, kes indeks di bangunan itu menghadiri perhim-

punan di Masjid Sri Petaling sebelum menjangkiti 12 ahli keluarganya di bangunan itu.

"Selepas itu kes meningkat dengan mendadak sehingga 17 kes menjadikan bangunan berkenaan dikenakan PKPD," katanya pada sidang media harian jangkitan COVID-19 di Putrajaya.

Anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia turut melakukan kawalan di Menara City One.
(Foto Aswadi Alias/BH)



Sementara itu, tinjauan awal pagi sehingga petang mendapati kawasan kediaman itu dikawal ketat polis serta anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ditugaskan mengawal pergerakan individu dan kenderaan di sekitar kawasan itu.

Beberapa laluan termasuk Jalan Munshi Abdullah, Jalan Masjid India dan laluan masuk menerusi Jalan Tun Abdul Rahman juga ditutup kepada kenderaan awam.

BH turut difahamkan, banyak kediaman di Menara City One dihuni ribuan pekerja asing dengan satu kediaman ada yang menempatkan sehingga 15 penghuni.

Situasi ini menyebabkan risiko jangkitan COVID-19 lebih cepat merebak jika langkah pencegahan segera tidak dilakukan termasuk PKPD.

PKPD di Menara City One itu dilaksanakan berikutan nasihat Kementerian Kesihatan (KKM) susulan pengesanan 17 kes positif COVID-19 di menara terbabit setakat semalam.

Lokasi itu mempunyai 3,200 penghuni di 502 unit kondominium dan premis perniagaan di menara terbabit.



Anggota polis dan tentera menghalau seorang penduduk yang degil.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : NASIONAL

Nasional

RABU, 1 APRIL 2020 **BH**

Penularan COVID-19

KKM beri garis panduan operasi nyah cemar

Kementerian turut pastikan penggunaan bahan kimia dilulus WHO

Putrajaya: Operasi nyah cemar yang dijalankan pihak berkuasa tempatan (PBT) dibuat tanpa merujuk kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

Mengulas dakwaan kononnya proses nyah cemar tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) KKM, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya akan memberi garis panduan, termasuk penggunaan bahan kimia diluluskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Mungkin selepas ini kita akan berkomunikasi dan berhubung dengan pihak terbabit serta memberi panduan untuk kerja pembersihan atau nyah cemar di kawasan berkenaan. Selain itu, kita juga akan nasihatkan pihak terbabit apa yang boleh dibuat dan tidak sepanjang proses terbabit."

"Mereka laksanakan lebih awal, KKM akan beri garis panduan contohnya menggunakan bahan kimia diluluskan WHO serta laksanakan operasi terbabit," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata demikian ketika diminta mengulas



Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan mendakwa operasi nyah cemar di jalan raya hanya pembaziran. (Foto BERNAMA)

kenyataan bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Prof Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, yang mempertikaikan proses nyah cemar yang dijalankan.

Dr Lokman dilaporkan berkata, beliau amat terkejut apabila melihat satu klip video baru-baru ini mengenai operasi nyah kuman apabila cecair disemur ke atas permukaan jalan raya.

Katanya, tindakan menyemburkan cecair nyah kuman di jalan raya itu sebagai satu pembaziran dan wang dikeluarkan itu lebih baik digunakan untuk membeli peralatan perlindungan diri (PPE).

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Malaysia sedang

berbincang dengan Amerika Syarikat (AS) untuk menggunakan peralatan mengesan wabak COVID-19 dalam tempoh singkat seperti digunakan negara berkenaan.

Katanya, peralatan canggih itu sebenarnya dibuat di kilang di Pulau Pinang, namun disebabkan kilang berkenaan mempunyai kontrak dengan AS, ia secara tidak langsung memberi halangan kepada Malaysia untuk memperoleh alat yang sama.

"Kita dimaklumkan ada satu syarikat di Pulau Pinang yang mengeluarkan alat perubatan canggih berkenaan yang dapat mengesan jangkitan COVID-19 dalam tempoh tidak sampai se-

tengah jam, tetapi kilang terbabit ada kontrak dengan Amerika Syarikat dan kita akan bincang (dengan negara terbabit) supaya Malaysia juga diberi peluang menggunakan peralatan terbabit," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini sebanyak 39,663 ujian pengesanan COVID-19 sudah dilaksanakan, daripada jumlah berkenaan sehingga semalam (kelmarin) sebanyak 2,626 individu positif wabak berkenaan.

"Individu yang negatif ialah sebanyak 28,580, manakala yang masih menunggu keputusan sama ada mereka dijangkiti COVID-19 atau tidak ialah sebanyak 8,457 individu," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :



“ Ada golongan muda yang dijangkiti wabak berkenaan, kebanyakannya baru pulang dari luar negara.” - Kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya semalam

KES COVID-19 DI MALAYSIA

2,766

JUMLAH KES

140

KES BAHARU

43

KES KEMATIAN

537

KES PULIH

JUMLAH KES SELURUH DUNIA

801,400

SERING KELUAR RUMAH PUNCA UTAMA DIJANGKITI COVID-19

STATISTIK Kementerian Kesihatan menunjukkan dua kumpulan umur rakyat Malaysia iaitu antara 26 hingga 30 tahun dan 56 hingga 60 tahun adalah yang paling tinggi dijangkiti koronavirus (Covid-19).

Bagi kumpulan umur antara 56 hingga 60 tahun, ia disebabkan mereka ialah ketua keluarga dan mungkin dijangkiti ketika keluar dari rumah untuk urusan membeli barang keperluan.

Golongan muda pula dijangkiti ketika mereka keluar dari rumah dan bergaul dengan ramai orang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dilaporkan terdapat sebanyak 180 kes positif dikesan melibatkan golongan itu.

Kerajaan telah mengisytiharkan PKP yang bermula pada 18 Mac dan berakhir semalam tetapi Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan perintah tersebut dilanjutkan kepada 14 April 2020.



GAMBAR/HASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Pertambahan enam kematian Covid-19

PUTRAJAYA - Enam kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Respons Tindak Cepat (CPRC) Kementerian Kesihatan (KKM) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dengan pertambahan jumlah itu, kumulatif bagi kes kematian meningkat kepada 43 kes.

Menurutnya, kes kematian ke-38 melibatkan seorang perempuan berumur 48 tahun yang merupakan kes positif ke-2,269 dan merupakan kontak kepada kes ke-2,750.

"Pesakit telah dirawat di Hospital Tuan-ku Jaafar, Negeri Sembilan pada Rabu lepas dan disahkan meninggal dunia jam 4.04 petang kelmarin," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, kes kematian ke-39 melibatkan kes positif ke-2,626 yang merupakan seorang lelaki berumur 69 tahun dan meninggal dunia di rumahnya pada 27 Mac 2020 sebelum jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur.

Menurutnya, kes kematian ke-40 melibatkan kes positif ke-2,627 iaitu lelaki berusia 69 tahun yang dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor dan disahkan meninggal dunia jam 1.03 petang pada 26 Mac.

Katanya, kes kematian ke-41 melibatkan warga Indonesia yang berumur 40 tahun dan pesakit positif ke-1,275. Pesakit itu dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada 20 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia jam 1.38 pagi semalam.

"Kematian ke-42 iaitu kes positif ke-2,628 melibatkan warga emas berusia 81 tahun dan dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 27 Mac sebelum disahkan meninggal dunia 7.09 pagi tadi (semalam)," katanya.

Sering keluar rumah punca mudah dijangkiti

Kumpulan umur 56 hingga 60 tahun paling ramai dijangkiti disebabkan tanggungjawab sebagai ketua keluarga

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA



Dr Noor Hisham menunjukkan carta kes positif mengikut negeri di Malaysia setakat 31 Mac 2020 pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

Golongan berumur 56 hingga 60 merupakan kumpulan yang paling ramai dijangkiti koronavirus (Covid-19) di negara ini dengan 182 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, antara faktor golongan tersebut dijangkiti virus adalah disebabkan tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

"Mungkin mereka ialah ketua rumah yang sering keluar (untuk urusan keluarga)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, golongan yang berusia 26 hingga 30 tahun merupakan yang kedua tertinggi dijangkiti virus berkenaan.

"Sebanyak 180 kes positif dikesan melibatkan golongan ini," katanya.

Beliau berkata, golongan muda itu dijangkiti Covid-19 kemungkinan sering keluar dari rumah walaupun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak sembilan bayi di bawah umur 12 bulan dan 50 kanak-kanak berusia antara 13 bulan hingga 10 tahun dijangkiti wabak berkenaan.

"Bagaimanapun, keadaan mereka stabil dan setakat ini tiada yang dirawat

di unit rawatan rapi (ICU) mahupun memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Mengulas mengenai Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah, beliau berkata, sebanyak 75 hingga 80 peratus menunjukkan kepatuhan.

"Kita dapati ada antara mereka yang masih melanggar perintah tersebut," katanya.

Justeru, katanya, kerajaan akan menampatkan mereka di pusat kuarantin.

"Jika sebelum ini mereka yang tiba dari luar negara dan negatif ujian saringan Covid-19 diarahkan menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah, namun sekarang kita akan tempatkan mereka di pusat kuarantin sehingga 14 hari," katanya.


Menurutnya, terdapat individu yang berada di bawah pengawasan tersebut tidak menyedari dijangkiti Covid-19.

"Namun mereka telah melanggar perintah tersebut dengan berhubung secara rapat dengan individu lain dan keluar dari rumah," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 334 pusat kuarantin telah disediakan bagi tujuan itu di seluruh negara.

"Ini bagi membendung penularan jangkitan Covid-19," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL



Catat 43 kematian

Putrajaya: Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) menerima pertambahan enam kematian berkaitan jangkitan virus Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (*gambar*) berkata, justeru jumlah kumulatif kes kematian 43 kes atau 1.55 peratus daripada jumlah keseluruhan 2,766 kes.

Berikutan perincian kematian semalam:

- Kes kematian ke-38 (kes ke-2269), perempuan warga Malaysia berumur 48 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi. Kontak kepada kes ke-2,750. Dirawat di Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan pada 25 Mac dan disahkan meninggal dunia 30 Mac, jam 4.04 petang.

- Kes kematian ke-39 (kes ke-2,626), lelaki warga Malaysia berumur 69 tahun. Mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi serta sejarah perjalanan ke Arab Saudi. Meninggal dunia pada 27 Mac di rumah dan jenazah beliau

dibawa ke Hospital Kuala Lumpur.

- Kes kematian ke-40 (kes ke-2,627), lelaki warga Malaysia berumur 69 tahun. Mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi. Dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor dan disahkan meninggal dunia 26 Mac jam 1.03 petang.

- Kes kematian ke-41 (kes ke-1,275) lelaki warga Indonesia berumur 40 tahun. Dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 20 Mac dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mac jam 1.38 pagi.

- Kes kematian ke-42 (kes ke-2,628), lelaki warga Malaysia berumur 81 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit jantung. Dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 27 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mac jam 7.09 pagi.

- Kes kematian ke-43 (kes ke-2,629), lelaki warga Malaysia berumur 73 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan penyakit jantung.

Pesakit keluar wad makin meningkat

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati trend jumlah kes baharu dilaporkan setiap hari terus meningkat dan kadang kala mendarat.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes harian yang dibenarkan pulang dari wad pula meningkat saban hari.

Katanya, data itu menunjukkan kesan daripada aktiviti dijalankan oleh KKM dan pelbagai agensi dalam tempoh sebulan kebelakangan ini.

"Namun begitu, tempoh dua minggu yang seterusnya adalah mustahak.

"Ia akan menentukan sama ada tindakan

diambil oleh kerajaan setakat ini memberi impak diharapkan.

"Ini sememangnya berkait rapat dengan tingkah laku masyarakat dalam mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya semalam.

Menurutnya, statistik juga menunjukkan terdapat dua kumpulan umur masyarakat yang paling tinggi kes positif Covid-19 berbanding kumpulan umur lain.

Mengulas lanjut, katanya, dua kumpulan umur itu adalah dalam lingkungan 26 sehingga 30 tahun dan juga 56 sehingga 60 tahun.

Peluang perokok berhenti merokok

Putrajaya: "Bagi perokok, gunakan peluang ini untuk berhenti merokok.

"Bukan perokok boleh 'speak out' kepada ahli keluarga yang merokok supaya semua bebas bahaya rokok dan asap rokok."

Itu antara nasihat Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua yang akan mula berkuat kuasa hari ini hingga 14 April ini berikutan penularan virus Covid-19.

Menurutnya, beberapa lokasi juga sudah diisytihar sebagai lokasi PKP Diperketatkan.

"Seperti dimaklumkan, tempoh dua minggu akan datang ini adalah amat penting di mana kerjasama semua pihak diperlukan bagi memastikan rantaian jangkitan Covid-19 dapat diputuskan.

"Justeru, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menasihatkan orang ramai untuk duduk di rumah sambil mengamalkan etika kebersihan diri.

"Misalnya kerap membasuh tangan dan jarakkan diri antara satu sama lain. Sekiranya mempunyai gejala, gunakan penutup hidung dan mulut.

"Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan mengamalkan beberapa perkara seperti makan secara sihat dengan

menyediakan menu sihat dan seimbang," katanya.

Menurutnya, antara gaya hidup sihat lain ialah kurangkan pengambilan gula, garam dan lemak manakala lebihkan pengambilan buah dan sayur.

Katanya, orang ramai juga dinasihatkan menjalani gaya hidup yang aktif dengan melakukan aktiviti fizikal atau senaman ringan.

"Bagi mereka yang merokok, gunakan peluang ini untuk berhenti merokok.

"Pupuk minda yang positif diri sendiri dan juga ahli keluarga.

"Amalkan teknik relaksasi yang betul dan tenangkan minda dalam menjalani kehidupan seharian," katanya.

Beliau berkata, sekiranya diperlukan khidmat nasihat, orang awam boleh menghubungi Virtual Health Advisory dari jam 8.30 pagi hingga 5 petang setiap hari selain mengikuti sesi siaran langsung Facebook KKM dari jam 10 pagi hingga 10.30 pagi dan DoctorOnCall dari jam 3 petang hingga 3.30 petang yang akan diadakan dari Isnin hingga Jumaat.

"KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10A

RUANGAN : LOKAL

Saring seluruh penduduk

Kuala Lumpur: Lebih 20 kakitangan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tiba di Menara City One di Jalan Munshi Abdullah di sini pada jam 1.50 tengah hari, semalam.

Mereka hadir bagi membuat saringan Covid-19 terhadap penghuni di situ yang diarahkan jalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

PKPD dilaksanakan berikutan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) susulan pengesahan 17 kes positif Covid-19 di menara itu dan diumumkan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kelmarin.

Menara itu mempunyai 3,200 penghuni yang menginap di 502 unit kondominium serta premis perniagaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

KKM bincang dengan pengeluar kit ujian canggih

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat pengeluar kit ujian di Pulau Pinang yang mempunyai kecanggihan dapat mengesan coronavirus (Covid-19) dalam masa setengah jam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata,

syarikat berkenaan mempunyai kontrak dengan Amerika Syarikat.

"KKM sedang mengadakan perbincangan untuk melihat bagaimana kita turut berpeluang menggunakan teknologi canggih ini," katanya.

Menurutnya, ketika ini KKM sedang menggunakan teknik Real-Time Reverse Transcription-Polymerase

Chain Reaction (rRT-PCR).

"Kalau ketepatannya bagus, kita akan buat tempahan 200,000," katanya.

Beliau berkata, KKM mempunyai 46 makmal di seluruh negara bagi menampung ujian saringan Covid-19.

"Kemampuan kita adalah 11,750 ujian sehari dan akan meningkatkan keupayaan sehingga 16,500," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS / NATION

WEDNESDAY, APRIL 1, 2020 • NewStraitsTimes

INST LEADER

Managing mental health

How to turn distressed lives around

THERE is a lot of fear going around. Covid-19, the disease, is causing most of it. But there is a subtler cocktail of distress that only trained eyes can spot. Fear creates fear, says consultant clinical psychologist Professor Datuk Dr Mat Saat. Then American president Franklin D. Roosevelt, though not a psychologist, understood this well when he soothed the souls of his countrymen facing a depression of another sort — The Great Depression — with these words in his inaugural address in 1932: “The only thing we have to fear is fear itself — nameless, unreasoning, unjustified terror which paralyses needed efforts to convert retreat into advance.” Malaysians need some such soothing now more than ever.

